

# GERBANG akademik

pilihan masa depan anda

Utusan  
Malaysia

SABTU 21 SEPTEMBER 2013



## EkuiNAS latih graduan lebih berdaya saing

4 | **PTPL** tawar kerjaya ahli teknologi kimia 5 | **JAGUH** sukan lasak MSU

7 | **HARI TERBUKA** Smart Reader Kids

MAJLIS PENGUMUMAN  
LACAKAN TAHUN 2012

# Ekuinas tawar peluang jadi pelapis pemimpin

**PARA** graduan yang bercita-cita untuk menjadi pelapis pemimpin dalam syarikat-syarikat tempatan kini berpeluang menyertai Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas yang diwujudkan oleh Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas).

Program yang dimulakan pada tahun lalu itu mengambil masa selama setahun bagi merealisasikan potensi bakat-bakat muda untuk menjadi pengurus profesional yang serba boleh.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas itu merupakan satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui penekanan khusus dalam pendidikan.

Menurut beliau, idea mewujudkan program berkenaan adalah seiring dengan matlamat penubuhan Ekuinas untuk melakukan transformasi dalam syarikat-syarikat tempatan supaya menjadi pemimpin industri negara pada masa depan.

"Matlamat Ekuinas adalah untuk mengenal pasti potensi, memupuk dan mewujudkan nilai. Semasa Ekuinas dalam proses menyediakan perancangan untuk memperkenalkan program tanggungjawab sosial korporat kami, kami dapati sudah terdapat banyak program di luar yang memberi penekanan kepada pendidikan.

"Akan tetapi, kajian kami menunjukkan kurang usaha atau aktiviti untuk merapatkan jurang antara pendidikan dan alam pekerjaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Ekuinas sangat berbangga dengan program ini dan harapan kami Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas akan menjadi pemangkin untuk membantu graduan-graduan berprestasi tinggi menimba pengalaman dalam syarikat-syarikat portfolio kami dan kemudian menjadi pemimpin pada masa depan

**ABDUL RAHMAN AHMAD**  
Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas

Tambah Abdul Rahman, melalui program ini, Ekuinas akan memilih graduan-graduan yang berpotensi tinggi untuk ditempatkan di syarikat-syarikat portfolio miliknya.

Melalui pendekatan itu, para graduan yang dilatih di bawah program berkenaan akan mendapat pendedahan dalam dunia pekerjaan sebenar, sekali gus boleh mencapai kecemerlangan dalam sektor-sektor yang menjadi pilihan mereka.

Jelasnya, program berstruktur tersebut menyediakan pelbagai modul peningkatan kemahiran menerusi latihan dibiayai sepenuhnya oleh Ekuinas.

Antara kriteria untuk memohon mengikuti program tersebut ialah graduan perlu memiliki gred nilai purata minimum 3.00 dalam sebarang bidang pengajian, tetapi tumpuan diberikan kepada graduan dalam bidang perniagaan, keusahawanan, kewangan, komunikasi, pemasaran atau kejuruteraan.

Untuk itu, Ekuinas telah menjalinkan kerjasama dengan universiti-universiti utama negara dalam mempromosikan program ini, seperti pusat pengajian tinggi yang berkaitan dengan Ekuinas iaitu UNITAR International University (UNITAR), Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Cosmopoint International College of Technology dan Asia-Pacific University of Technology and Innovation serta pusat pengajian awam dan swasta yang lain.

Seterusnya, para graduan terpilih ini ditempatkan di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas yang merangkumi sektor peruncitan seperti di Burger King, San Francisco Coffee dan Tony Roma's; sektor barangan pengguna laris (FMCG) di Alliance Cosmetics Group (ACG); sektor minyak & gas iaitu syarikat Icon Offshore Berhad dan sektor pendidikan di Kumpulan Cosmopoint.

Mereka yang menunjukkan prestasi tinggi, akan diserap menjadi kakitangan tetap syarikat-syarikat tersebut.

Pemohon juga mesti memiliki kemahiran interpersonal dan seorang yang memiliki motivasi yang tinggi serta mempunyai pendedahan dalam kepimpinan melalui aktiviti kurikulum tambahan. Bagaimanapun, bakat-bakat ini dipilih hanya daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana sahaja.

Mereka yang berjaya menyertai program ini bukan sekadar bekerja secara langsung, tetapi turut menerima pendedahan dalam kemahiran pengurusan dan pentadbiran pejabat, teknikal dan kepimpinan, ilmu dalam operasi perniagaan, penyertaan dalam tugas-tugas yang dikawal selia serta bimbingan dan maklum balas prestasi suku tahunan.

Abdul Rahman menambah, siri pertama Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas itu berjaya melatih seramai lapan orang dan pada tahun ini diteruskan dengan pengambilan 30 orang peserta dari universiti-universiti tempatan.

"Ekuinas sangat berbangga dengan program ini dan harapan kami Program Pelatih Pengurusan Syarikat Portfolio Ekuinas akan menjadi pemangkin untuk membantu graduan-graduan berprestasi tinggi menimba pengalaman dalam syarikat-syarikat portfolio kami dan kemudian menjadi pemimpin pada masa depan," ujar beliau.

# Program Ekuinas berjaya

**SIAPA** sangka langkah Ekuiti Nasional Bhd. (Ekuinas) melabur dalam program tanggungjawab sosial mulai tahun lalu untuk merapatkan jurang pendidikan dengan pekerjaan membuah hasil, malah bilangannya kini diperluaskan sehingga melibatkan lebih 30 bakat berpotensi yang merupakan lulusan universiti tempatan.

Ketua Pengawai Eksekutif, **Datuk Abdul Rahman Ahmad** berkata: "Ekuinas berbangga dengan program yang dilaksanakan ini dan meletakkan harapan yang tinggi serta berharap usaha ini akan menjadi pengalakan untuk membantu graduan yang berpotensi tinggi menyertai dan menimba pengalaman dalam syarikat-syarikat di bawah portfolio kami dan kemudiannya menjadi pelapis pemimpin masa depan.

"Di bawah program ini, kami mengambil graduan yang berpotensi tinggi dan menempatkan mereka di syarikat-syarikat milik kami supaya mereka didedahkan dengan pengalaman bekerja di dunia sebenar," kata beliau.

Menurut salah seorang bekas graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) **Norsuhemaria Md Isa** berkata: "Saya antara graduan paling bertuah kerana terpilih menyertai program ini. Program ini amat berguna kerana ilmu yang saya peroleh melebihi apa yang diajar di universiti.

"Saya amat bersyukur kerana Ekuinas bukan sahaja beri saya ilmu tetapi peluang pekerjaan di Burger King. Dengan program latihan itu, saya tidak pernah gentar untuk bersaing dan menghadapi cabaran di alam pekerjaan. Terima kasih Ekuinas dan Burger King".

Sementara itu, **Noor Hernidah Badarul Hisam**, Eksekutif Jenama, Alliance Cosmetics Group, yang terkenal dengan jenama kosmetik tempatan, Silkygirl, pula berkata, secara peribadi ketika mula menyertai program ini saya akui agak gementar tentang apa yang bakal dilalui, tambahan pula bekerja dengan sebuah produk kosmetik jenama tempatan yang menyumbang 50 peratus jumlah dagangan kepada syarikat.

"Program ini telah mengajar saya ter-

lalu banyak perkara baharu dari setiap aspek perniagaan secara terperinci, sekali gus menjadikan saya lebih fleksibel dan mempelbagaikan kemahiran saya dalam kerjaya yang diceburi.

"Berpeluang bekerja di bawah syarikat portfolio Ekuinas, Alliance Cosmetics Group merupakan satu pengalaman yang menarik.

"Alliance Cosmetics bukan sahaja membantu saya membangunkan karier tetapi saya juga berpeluang untuk bekerja dalam satu kumpulan yang hebat. Dengan ini, saya berupaya membentuk diri menjadi salah seorang individu yang bermutu dalam organisasi ini".

Noor Hernidah yang merupakan bekas graduan Universiti Tun Abdul Razak lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Keusahawanan) percaya program itu telah membantu beliau memajukan lagi dirinya bukan hanya sebagai individu tetapi juga sebagai satu pasukan dalam organisasi itu.

Beliau menambah: "Saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk menyertai program ini. Terima kasih Ekuinas dan ACG."



“Saya antara graduan paling bertuah kerana terpilih menyertai program ini. Program ini amat berguna kerana ilmu yang saya peroleh melebihi apa yang diajar di universiti

- Norsuhemaria Md Isa



“Program ini telah mengajar saya terlalu banyak perkara baharu dari setiap aspek perniagaan secara terperinci, sekali gus menjadikan saya lebih fleksibel dan mempelbagaikan kemahiran saya dalam kerjaya yang diceburi

- Noor Hernidah Badarul Hisam